

# Datuk Najib Ketua Umno Pahang

KUALA LUMPUR, Sabtu — Menteri Besar Pahang, Datuk Najib Tun Abdul Razak telah dilantik sebagai Ketua Badan Perhubungan Umno Pahang. Demikian diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini tengahari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir selaku Presiden Umno itu berkata: "Saya meletakkan jawatan selaku Ketua Perhubungan Umno Pahang mulai hari ini dan menyerahkan tugas-tugas ini kepada Datuk Najib."

Datuk Najib yang juga Naib Ketua Pergerakan Pemuda Umno Malaysia berusia 30 tahun dan adalah Ketua Perhubungan Umno yang muda sekali.

Datuk Seri Dr Mahathir mengambil alih jawatan itu pada bulan Ogos 1981.

Datuk Seri Dr Mahathir telah menyatakan keinginannya untuk mengundurkan diri dari memimpin politik Pahang baru-baru ini memandangkan politik negeri itu sudah reda di bawah pimpinan Datuk Najib.

Bagaimanapun, Perdana Menteri memberitahu bahawa beliau belum memutuskan siapa yang sepatutnya menjadi Timbalan Ketua Perhubungan Umno Negeri itu.

"Kami belum membuat keputusan mengenai perkara ini," kata beliau.

Sementara itu, pemimpin politik veteran Pahang, Tan Sri Ghazali Shafie hari ini mengalu-alukan perlintakan itu dan menganggapnya sebagai tepat dan kena pada masanya.

Bellau yang juga Menteri Luar berkata, Ketua Perhubungan Umno Negeri memang sepatutnya dipegang oleh Menteri Besar kerana beliau lebih dekat dengan pemimpin-pemimpin di peringkat bahagian.